

Kerajaan negeri salur peruntukan RM3.26 juta

644 pelajar terima manfaat pinjaman TAPEM

Oleh AFLIEZA ARSHAD

AYER KEROH 18 Feb. - Kerajaan negeri melalui Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) hari ini meluluskan peruntukan RM3.26 juta kepada 644 pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta (IPTA/S) Anak Melaka yang melanjutkan pelajaran dalam dan luar negara bagi sesi November 2015.

Semua pelajar Anak Melaka yang terpilih telah menerima surat tawaran dan surat perjanjian pinjaman dalam satu taklimat khas yang diadakan di sini pagi tadi.

Majlis taklimat pinjaman TAPEM itu diadakan dua sesi iaitu sesi pagi pada jam 10 pagi - 12 tengah hari dan sesi kedua pula

bermula pada jam 2.30 petang - 4.30 petang.

Seramai 644 pelajar bersama penjamin dan ibu bapa masing-masing menghadiri majlis taklimat khas berkenaan.

Taklimat khas pinjaman telah disampaikan oleh Pengurus Besar TAPEM, Mustafa Musa dan Pengurus Tadbir dan Operasi TAPEM, Mohd Norhafiz Sahad.

Menurut Mustafa, taklimat itu bertujuan menjelaskan secara terperinci syarat-syarat perjanjian dan keperluan-keperluan yang mesti dipatuhi pemohon.

"Adalah menjadi harapan TAPEM agar pinjaman yang diberi oleh kerajaan negeri dapat dimanfaatkan sebaiknya oleh penerima pinjaman demi kejayaan masa akan

datang.

"Dengan bantuan dan pinjaman yang diberikan ini diharap dapat memberi inspirasi dan dorongan kepada semua pelajar untuk belajar ber-sungguh-sungguh.

"Bagaimanapun, ingin saya ingatkan kepada semua peminjam TAPEM yang telah menamatkan pengajian supaya melunaskan tanggungjawab membayar pinjaman supaya dapat memberi peluang lebih ramai kepada pemohon-pemohon baharu untuk tujuan sama," katanya.

Mustafa berkata demikian semasa berucap dalam taklimat pinjaman TAPEM di Auditorium Seri Negeri dekat sini hari ini.

Sementara itu, Alwei Bujang yang mewakili

anaknyanya sebagai peminjam berkata, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Datuk Seri Ir. Idris Haron benar-benar mendahulukan kepentingan rakyat yang sentiasa memerlukan sokongan dan bantuan untuk tujuan pengajian mereka.

"Tiga anak saya telah berjaya mendapat pinjaman TAPEM sejak tujuh tahun lalu. Tanpa pinjaman ini tidak mungkin saya mampu menanggung keperluan pendidikan anak-anak.

"Alhamdulillah anak-anak juga berjaya dalam pelajaran masing-masing dan saya juga mengingatkan mereka supaya tidak lupa membayar pinjaman untuk memberi peluang kepada pela-



MUSTAFA semasa berucap pada majlis itu.

jar lain pula," katanya.

Rata-rata ibu bapa dan pelajar yang menghadiri taklimat ini merakamkan ucapan terima

kasih kepada Ketua Menteri kerana prihatin membantu anak-anak Melaka yang memerlukan bantuan dan kurang mampu.



ANTARA pelajar dan Ibu apa yang hadir dalam taklimat pinjaman TAPEM di Seri Negeri, pagi semalam.



EXCO Pelajaran, Pengajian Tinggi Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Wira Md. Yunus Husin merangkap Penasihat Gagasan Melaka bersantailah bersama masyarakat dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek di Pengkalan Renggam Kandang, semalam.

Md Yunos yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek turut ke lokasi dalam kawasan DUN untuk program turun padang menyampaikan sumbangan. Oleh NAWAWI MD SALLEH